

Headline	'Pak cik saya faham dan dia gembira'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Jul 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	5
ArticleSize	205 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,038		



'Pak cik saya faham dan dia gembira'

KUALA LUMPUR - "Apabila saya sudah faham, lebih mudah untuk saya jelaskan kepada pak cik saya tentang bil elektrik di rumahnya," kata suri rumah, Lee Mee Thing, 35.

Penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Beringin itu berkata, selama ini beliau membuat bayaran di pejabat pos berdasarkan bil bulanan yang diterima.

Namun katanya, dengan bil terperinci yang diterima, beliau dapat memahami kaedah pengrahan yang sebenar.

"Pak cik saya mahu tahu berapa jumlah yang perlu dibayar. Jadi saya datang untuk fahamkan bil bagi pihaknya.

"Sekarang saya sudah faham dan boleh beri-

tahu dia. Dia juga sangat gembira bila dapat tahu tentang Bantuan Prihatin Elektrik (BPE)," kata-nya kepada *Sinar Harian*.

Tambahnya, beliau juga tidak terkecuali mendapat manfaat daripada BPE namun menggunakan kelebihan itu untuk bayaran bil elektrik akan datang.

"Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) banyak elektrik digunakan. Anak-anak juga belajar secara dalam talian. Tapi setiap bulan memang saya akan bayar lebih daripada caj yang dikenakan.

"Jadi untuk diskauan yang saya terima, saya tidak mahu tuntut wang, tapi akan guna untuk bil berikutnya," katanya.



Mee Thing menunjukkan penyata bil elektriknya.